

KDNK April-Jun sekitar 3.2 peratus

BH 26 JUN 2001

Oleh Zulkofli Jamaludin
dan Halim Yusoff

PERTUMBUHAN ekonomi negara pada suku kedua tahun ini dijangka sama seperti yang dicatatkan pada suku pertama iaitu 3.2 peratus, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang memegang jawatan Menteri Kewangan berkata, pertumbuhan perlahan itu disebabkan penyederhanaan ekonomi Amerika Syarikat.

"Penyederhanaan ekonomi Amerika Syarikat bukan saja memberi kesan kepada dagangan dengan Amerika Syarikat tetapi juga dagangan dengan negara yang turut terjejas berikutan penyederhanaan ekonomi Amerika.

"Jadi, kita boleh mengang- gap ekonomi Amerika seba-

"Penyederhanaan ekonomi Amerika Syarikat bukan saja memberi kesan kepada dagangan dengan Amerika Syarikat tetapi juga dagangan dengan negara yang turut terjejas berikutan penyederhanaan ekonomi Amerika"

— Perdana Menteri yang memegang jawatan Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

gai penjana pertumbuhan dan apabila ia semakin perlahan, ekonomi lain juga akan terkesan yang akhirnya negara berkenaan turut menjejaskan kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Simposium Al Baraka untuk Ekonomi Islam di Kuala Lumpur, semalam. Simposium itu ditaja Kumpulan Dallah Al Baraka berpangkalan di Arab Saudi.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia mendapat kesan berganda iaitu daripada Amerika Syarikat dan negara lain yang bergantung kepada ekonomi Amerika Syarikat.

"Keadaan itu terus menekan ekonomi kita, sekaligus menyebabkannya tidak bertumbuh seperti yang dijangkakan," katanya.

Pada suku pertama tahun ini, Malaysia merekodkan

pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia (KDNK) 3.2 peratus pada asas tahun-ke-tahun, berbanding 11.7 peratus yang dicatatkan pada suku sama tahun lalu.

Pertumbuhan suku pertama itu juga adalah penurunan sebanyak 3.9 peratus daripada paras yang dicatatkan pada suku keempat tahun 2000.

Sementara itu, ditanya mengenai bon kedaulatan yang dijangka diterbitkan tidak lama lagi, Perdana Menteri sambil berseloroh berkata, beliau adalah Menteri Kewangan yang masih mentah mengenai isu itu.

Mengenai jumlah terbitan itu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu dan menjelaskan bahawa ia hanyalah kenyataan am apabila sebelum ini beliau menyatakan bahawa setiap tahun

Malaysia meminjam dari luar menerusi terbitan bon dan instrumen kewangan lain.

"Saya diberitahu Malaysia perlu meminjam lagi dan saya lihat kita akan menerbitkannya sekali lagi," katanya.

Selaras dengan kepentingan perbankan Islam, timbul ura-ura sebelum ini untuk melantik Menteri Kewangan kedua khusus menguruskan perbankan Islam.

"Kita perlu memikirkannya dengan teliti. Untuk melantik seorang Menteri Kewangan kedua hanya untuk menguruskan perbankan Islam, saya fikir tidak memberikannya kerja yang cukup.

"Saya fikir keupayaannya lebih besar. Kita boleh mempunyai menteri kewangan kedua tidak semestinya hanya untuk perbankan Islam, tetapi pada masa ini saya belum membuat keputusan," katanya.